

# PELITA BRUNEI



## AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 10 BILANGAN 38 RABU 29 DISEMBER, 1965. رابو 6 رمضان 1385 PERCHUMA

*Di-Uchapkan Selamat Berpuasa Kapada Umat Islam Di-Seluruh Dunia*

### Persidangan Majlis Mashuarat Negeri Brunei

# USOL MENGUCHAPKAN TERIMA KASEH KAPADA TITAH DIRAJA DI-LULUSKAN

**BANDAR BRUNEI.** — Persidangan Kedua dari Musim Per-mashuaratan Ka-Enam (Belanjawan) Majlis Mashuarat Negeri Brunei yang telah di-adakan di-Dewan Kemasharakatan, Bandar Brunei mulai pada hari Ithnin 20 Disember, 1965 telah di-tangguhkan pada petang hari Khamis 23 Disember, 1965.

Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara Muda Haji Hashim selaku Timbalan Sultan, telah merasmikan pembukaan Persidangan Majlis Mashuarat tersebut pada pagi 20 Disember.

Pada petang hari itu Majlis telah meluluskan Jawapan2 Kerajaan terhadap So'alan Bertulis yang di-kemukakan oleh beberapa orang Ahli2 Majlis Mashuarat Negeri Brunei.

Pada hari kedua persidangan-nya Majlis Mashuarat itu telah meluluskan Usol oleh Yang Amat Berhormat Menti Besar ia-itu menguchapkan sa-penoh2 terima kaseh kapada Titah Diraja yang telah di-sampaikan oleh Timbalan Sultan di-Majlis tersebut dan di-atas Titah tersebut Majlis itu menjunjung dengan sa-penoh2-nya.

Pada hari tersebut juga beberapa orang Ahli2 Majlis Mashuarat Negeri Brunei telah mengemukakan berpuhoh2 so'alan2 mulut. Kerajaan telah menjawab so'alan2 itu dengan memberi puas hati kapada Ahli2 yang mengemukakan so'alan2 tersebut.

Pada hari ketiga persidangan-nya, ia-itu 22 Disember, Majlis Mashuarat Negeri Brunei telah meluluskan Usol oleh Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal bin Maun yang berbunyi "Bahawa Majlis ini mengambil perhatian mengenai Kertas Puteh No. 4 Tahun 1965 yang mengan-

dongi isi kata Surat Kenyataan yang telah di-keluarkan pada 27 Mei, 1965 sa-lepas perbincangan di-antara Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan dan Penasehat2 Baginda dengan

### MASHUARAT AGONG PERSATUAN PELADANG KG. KIUDANG

**KAMPONG KIUDANG.** — Penolong Pegawai Pertanian Negeri Brunei, Awang Agnes telah merasmikan pembukaan Mashuarat Agong Persatuan Peladang Kampong Kiudang, Tutong, Kali Yang Ketiga pada hari Khamis 23 Disember, 1965, bertempat di-Sekolah Melayu Kiudang.

Penolong Menteri Pertanian, Yang Berhormat Pengiran Damit bin Pengiran Sunggoh telah dijadual merasmikan pembukaan Mashuarat Agong Persatuan Peladang tersebut. Oleh kerana sesuatu sebab yang tidak dapat di-elakkan, maka beliau telah tidak dapat hadir untuk membuka dengan rasmi-nya Mashuarat Agong itu.

Turut memberi ucapan di-majlis tersebut ia-lah Yang Dipertua Persatuan Peladang Sa-Negeri Brunei, Awang Abdul Hamid bin Ja'afar.

Pegawai2 baru Persatuan Peladang Kampong Kiudang yang telah di-lantik dalam mashuarat tersebut ada-lah seperti berikut:

- Yang Dipertua — Awang Omar Ali, Naib Yang Dipertua — Awang Belanchai bin Sidu, Setia Usana — Awang Andok bin Siok, Penolong Setia Usaha — Awang Kumpoh bin Perayam, Bendahari — Awang Ambal bin Siok, Setia Usaha Penerangan — Awang Abang bin Adol.

Ahli2 Jawatan Kuasa: Awang Daud bin Jamal, Awang Sumin Angkai, Awang Munchong bin Angkai dan Awang Eng Choi bin Orang Kaya Md. Salleh.

Yang Amat Berhormat Setiausaha Negara bagi Perhubungan2 Komanwealth".

Selain dari itu Majlis telah meluluskan Rang Undang2 yang bergelar, "Undang2 Perbekalan (1966), 1965" yang di-chadangkan oleh Yang Berhormat Dato Setia Awang John Lee, Pegawai Kewangan Negara.

Pada 23 Disember, Majlis Mashuarat Negeri telah meluluskan Rang Undang2 yang berikut:

- (1) "Undang2 untuk meminda Perintah Perlembagaan (Peraturan Kewangan), 1959". Rang Undang2 itu telah di-kemukakan oleh Yang Ber-

hormat Dato Setia Awang John Lee, Pegawai Kewangan Negara

- (2) "Undang2 Perbekalan Tambahan (1965) (Bil. 1), 1965". Rang Undang2 tersebut yang di-kemukakan oleh Yang Berhormat Dato Setia Awang John Lee, Pegawai Kewangan Negara bermaksud untuk menggunakan sa-jumlah wang dari Wang Fund Gegasan kerana perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1965 dan menguntokkan wang tersebut bagi beberapa maksud yang tertentu dan untuk mengadakan ganti jumlah2 yang di-pinjam dari Kumpulan Wang Fund Gegasan."

Atas chadangan Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka (Lihat muka 5)



Dua yang Mulia Maulana Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin (kanan) kelihatan dalam gambar ini menyampaikan hadiah kepada Chegu Mohamed Yusof bin Mohamed di-Majlis Penyampaian Sijil Maktab Perguruan Melayu Brunei baru2 ini. Chegu Mohamed Yusof telah memperolehi hadiah kurniaan wang sa-banyak \$300 dari Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-

Sultan sebagai penuntut Maktab Perguruan Melayu Brunei yang terbaik sekali dalam tahun 1964. Chegu Mohamed Yusof telah mendapat pangkat yang pertama dalam tiga belas perkara dalam Peperiksaan Akhir Tahun 1964. Sa-lepas tamat belajar di-Maktab Perguruan Melayu Brunei, Chegu Mohamed Yusof telah mengajar di-S.M. Muhammed Alam, Seria hingga-lah ka-masa ini.

# PERADUAN BAHATH SEKOLAH2 MELAYU SELUROH NEGERI BRUNEI

**BANDAR BRUNEI.** — Peraduan Bahath Peringkat Akhir Sekolah2 Melayu Seluruh Negeri Brunei telah di-langsungkan di-Dewan Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah, Bandar Brunei, pada hari Khamis 16 Disember, 1965.

Majlis Bahath tersebut telah di-Pengerusikan oleh Nadzir Sekolah2 Melayu Bahagian Brunei Satu, Awang Shahbudin bin Saleh.

Pegawai Pelajaran Negara, Brunei, Awang Malcolm MacInnes telah menyampaikan hadiah2 kepada pemenang2 peraduan bahath tersebut.

## UPACHARA MENYAMPAIKAN SIJIL2 KELAS DEWASA PENUNTUT2 KAMPONG BAKIAU

**KAMPONG BAKIAU** — Satu upacara menyampaikan Sijil2 Kelas Dewasa bagi Penuntut2 Kampung Bakiau telah di-langsungkan di-sekolah Melayu Bakiau, Tutong pada petang 15 Disember, 1965.

Sijil2 tersebut telah di-sampaikan oleh Penyusun Pelajaran Dewasa Negeri Brunei, Che'gu Umar bin Muhammad kepada 23 orang penuntut2 termasuk 14 orang penuntut2 wanita yang telah lulus dalam Peperiksaan bagi Tingkat Permulaan pada tahun 1964.

Dalam ucapan Che'gu Umar di-upachara itu, beliau telah mengucapkan tahniah kepada penuntut2 tersebut atas kejayaan mereka menuntut ilmu pengetahuan.

Che'gu Umar juga menyatakan bahawa menulis dan membaca itu ada-lah punca dalam segala lapangan ilmu pengetahuan.

Akhir-nya beliau menegaskan bahawa pehak Jabatan Pelajaran pada masa ini sedang pun menyediakan guru2 bagi mengajar orang2 buta huruf di-kampung2.

Turut juga memberikan ucapan di-majlis itu termasuk ia-lah Guru Kelas Dewasa Kampung Bakiau, Che'gu Omar Ali bin Esong, yang antara lain-nya telah mengucapkan tahniah kepada penduduk2 Kampung Bakiau atas kegiatan mereka menuntut ilmu pengetahuan.

Che'gu Omar Ali juga menyatakan bahawa ini ada-lah satu bukti yang penduduk2 kampung tersebut telah menunjukkan yang mereka tekun dan berhatih dalam menuntut ilmu pengetahuan, bukan saja dalam hal belajar, membaca dan menulis, bahkan dalam ilmu pengetahuan Agama juga.

Akhir-nya Che'gu Omar Ali berdo'a kepada Allah, dengan ada-nya ilmu2 yang di-tuntut oleh penduduk2 kampung tersebut dapat-lah menjadi suloh kepada mereka yang akan membawa kaarah jalan kemajuan bangsa dan Kampung Bakiau khas-nya dan Negeri Brunei 'am-nya.

Keputusan-nya ada-lah seperti berikut:

**Bahagian Sekolah2 Menengah:**  
Penuntut2 Lelaki — Johan — Sekolah Melayu Sultan Mohamed Jamalul Alam, Bandar Brunei dan Naib Johan — Sekolah Melayu Muda Hashim, Tutong. Penuntut2 Perempuan — Johan — Sekolah Melayu Sultan Mohamed Jamalul Alam, Bandar Brunei dan Naib Johan — Sekolah Melayu Muda Hashim, Tutong.

**Bahagian Sekolah2 Rendah:**  
Penuntut2 Lelaki: — Johan — Sekolah Melayu Sultan Mohamed Jamalul Alam, Bandar Brunei dan Naib Johan — Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, Kuala Belait. Penuntut2 Perempuan — Johan — Sekolah Melayu Muhammad Alam, Seria dan Naib Johan — Sekolah Melayu Bendahara Sakam, Bunut.

### BAHAGIAN SEKOLAH2 MENENGAH PENUNTUT2 LELAKI

**TAJOK PERBAHATHAN:** Kemundoran sa-sa-buah negeri itu bukan-lah bergantung kepada hasil bumi-nya, tetapi ada-lah bergantung kepada ra'ayat-nya.  
**PENGERUSI:** Awang Mohamed Yusof Tahir.

**HAKIM2:** Pengiran Md. Yasin bin Pengiran Damit, Awang Zainal bin Haji Panjang dan Awang

Haji Abdul Hamid Ya'akub.  
**PENCHADANG:** Sekolah Melayu Sultan Mohamed Jamalul Alam, Bandar Brunei.  
**Ahli2-nya:** Suhaili Tariff (Ketua), Jawawi Ahmad dan Abdul Rahman A. Bakar.

**PEMBAHATH:** Sekolah Melayu Muda Hashim, Tutong.  
**Ahli2-nya:** Md. Ya'akub Mohamed (Ketua), Yujog bin Talib dan Marsal Talib.  
**KEPUTUSAN:** Johan — Sekolah Melayu Sultan Mohamed Jamalul Alam, Bandar Brunei. Naib Johan — Sekolah Melayu Muda Hashim, Tutong.

### BAHAGIAN SEKOLAH2 MENENGAH PENUNTUT2 PEREMPUAN

**TAJOK PERBAHATHAN:** Didekan ayah lebeh berkesan daripada didikan ibu.

**PENGERUSI:** Awang Mohamed Yusof Tahir.

**HAKIM2:** Pengiran Mohamed Yassin bin Pengiran Damit, Awang Zainal bin Haji Panjang dan Awang Haji Abdul Hamid Ya'akub.

**PENCHADANG:** Sekolah Melayu Muda Hashim, Tutong.  
**Ahli2-nya:** Siti Hawa Abdullah (Ketua), Radziah Talib dan Rosni Abdul Rahman.

**PEMBAHATH:** Sekolah Melayu Sultan Mohamed Jamalul Alam, Bandar Brunei.  
**Ahli2-nya:** Normah Muhammad (Ketua), Aminah Umar dan Aina Haji Ibrahim.

**KEPUTUSAN:** Johan — Sekolah Melayu Sultan Mohamed Jamalul Alam, Bandar Brunei. Naib Johan — Sekolah Melayu Muda Hashim, Tutong.

### BAHAGIAN SEKOLAH2 RENDAH PENUNTUT2 LELAKI

**TAJOK PERBAHATHAN:** Anak2 Melayu mundur dalam lapangan pelajaran bukan di-sebabkan ke-

malasan, tetapi ada-lah di-sebabkan kurang usaha.

**PENGERUSI:** Awang Taha bin Abdul Rahman.

**HAKIM2:** Awang Taha bin Raub, Awang Tuah bin Haji Hitam dan Awang Zainal bin Haji Panjang.

**PENCHADANG:** Sekolah Melayu Sultan Mohamed Jamalul Alam, Bandar Brunei.

**Ahli2-nya:** Ali Hasan Atai (Ketua), Julaihi Othman dan Md. Yasin Adam.

**PEMBAHATH:** Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, Kuala Belait.  
**Ahli2-nya:** Asiri Ahmad (Ketua), Nor Hashim Haji Noor dan Abdul Rahman Idris.

**KEPUTUSAN:** Johan — Sekolah Melayu Sultan Mohamed Jamalul Alam, Bandar Brunei. Naib Johan — Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, Kuala Belait.

### BAHAGIAN SEKOLAH2 RENDAH PENUNTUT2 PEREMPUAN

**TAJOK PERBAHATHAN:** Ilmu itu lebeh besar pengaruh-nya daripada wang.

**PENGERUSI:** Awang Taha bin Abdul Rahman.

**HAKIM2:** Awang Taha bin Raub, Awang Tuah bin Haji Hitam dan Awang Zainal bin Haji Panjang.

**PENCHADANG:** Sekolah Melayu Bendahara Sakam, Bunut.

**Ahli2-nya:** Suhara Awang Besar (Ketua), Hajjah Ajak dan Dayangku Aminah Pengiran Damit.

**PEMBAHATH:** Sekolah Melayu Muhamad Alam, Seria.

**Ahli2-nya:** Dayangku Hajjah Pengiran Umar, Rosinah Karsil dan Saerah Hasan.

**KEPUTUSAN:** Johan — Sekolah Melayu Muhamad Alam, Seria. Naib Johan — Sekolah Melayu Bendahara Sakam, Bunut.

## Lawatan Ahli2 Lembaga Bahasa D. Belait

**BANDAR BRUNEI.** — Mengikut persetujuan perundingan di-antara Pengerusi2 Lembaga Bahasa Melayu Daerah Belait, dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Brunei; Pegawai Daerah Belait; Timbalan Pengawal Imigresen Brunei, dan Timbalan2 Pendaftar Warga Negara yang di-adakan pada 16 Disember, 1965 di-Pejabat Pegawai Daerah Belait, Ahli2 Lembaga Bahasa I, II, dan III Daerah Belait akan pergi ka-Ulu Belait bagi menjalankan ujian Bahasa Melayu kepada pemohon2 yang tinggal di-bahagian Ulu yang telah memohon untuk mendapatkan Taraf Kerayatan Sultan.

Ahli2 Lembaga tersebut adalah seperti berikut:-

**LEMBAGA I:** Che'gu Awg. Moxsin bin Pg. Damit (Pengurus), Pg. Mohamad bin Pg. Matsruddin, Che'gu Abd. Rahman bin Haji Md. Jaafar dan Pehin Bendahari China Awg. Hong Kok Tin.

**LEMBAGA II:** Awg. Abdullah bin Haji Md. Jaafar (Pengurus), Awg. Abd. Hamid bin Haji Metassim, Che'gu Taha bin Abd. Rahman dan Awg. Roslee Teo Kim Yau.

**LEMBAGA III:** Che'gu Md. Yassin bin Haji Ahmad (Pe-

ngurus), Che'gu Abd. Manaf bin Abu Bakar, Pg. Metusin bin Pg. Shahbuddin dan Awg. Lai Ah Jee.

Ahli2 Lembaga Bahasa Daerah Belait, di-pohonkan pergi ka-Ulu Belait seperti yang di-ranchang, untuk maksud yang telah di-terangkan.

Kira-nya ada kemushkilan, mereka boleh-lah berhubung dengan Pengerusi Lembaga tersebut untuk mendapatkan penerangan2 yang lebeh lanjut.

Perlu juga di-ma'alomkan bahawa Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Brunei telah melahirkan pendapat-nya yang tugas Ahli2 tersebut dalam Lembaga Bahasa itu ada-lah penting dan perundingan yang di-langsungkan pada hari tersebut telah menggesa semua Ketua2 Pejabat yang berkenaan untuk bekerjasama bagi memberi kebenaran kepada pegawai2 mereka yang bersangkutan pada bila2 masa ujian Bahasa Melayu di-jalankan.

Kerjasama Ahli2 Lembaga Bahasa Daerah Belait dan juga Ketua2 Pejabat yang berkenaan ada-lah sangat2 di-hargai demi melichinkan perjalanan ujian tersebut semoga kesulatan2 yang telah di-alami oleh pemohon2 yang se-belom ini terpaksa pergi ka-

Kuala Belait untuk menghadapi ujian Bahasa Melayu sebagai salah satu syarat untuk menjadi ra'ayat, dapat di-atasi hendak-nya.

Susunan Ranchangan Lawatan Ahli2 Lembaga Bahasa Daerah Belait ka-Ulu Belait bagi menjalankan ujian bahasa Melayu ada-lah seperti berikut:

**Hari Juma'at 7 Januari, 1966.**

8.00 pagi — Bertolak dari Kuala Belait.

12.00 t.h. — Tiba di-Bukit Sawat dan rehat.

2.00 petang — Bertolak ka-Melilas. Bermalam di-Melilas.

**Hari Sabtu 8 Januari, 1966.**

8.00—12.00 t.h. — Menjalankan Ujian di-Melilas.

2.30 petang — Bertolak ka-Sukang. Bermalam di-Sukang.

**Hari Ahad 9 Januari, 1966.**

8.00—12.00 t.h. — Menjalankan Ujian di-Sukang.

2.00 petang — Bertolak ka-Bukit Sawat. Bermalam di-Bukit Sawat.

**Hari Ithnin 10 Januari, 1966.**

8.00—12.00 t.h. — Menjalankan Ujian di-Bukit Sawat.

2.00 petang — Bertolak ka-Bukit Puan.

3.00 petang — Tiba di-Bukit Puan dan terus ka-Labi. Bermalam di-Labi.

**Hari Thalatha 11 Januari, 1966.**

8.00 pagi — Menjalankan Ujian di-Labi. Bermalam di-Labi.

**Hari Rabu 12 Januari, 1966.**

8.00 pagi — Menjalankan Ujian di-Labi. Bermalam di-Labi.

**Hari Khamis 13 Januari, 1966.**

7.30 pagi — Balek ka-Kuala Belait.

# RUKON RUKON PUASA

(Sambongan Minggu Lalu)

Jika sa-saorang yang sedang berpuasa sengahaja melakukan tegahan atau larangan yang saperti yang di-sebutkan di-atas tadi, batal-lah puasa-nya, dan wajib ia mengqadha' (membayar hutang) puasa-nya yang batal atau rosak itu sa-hari dengan sa-hari, maksud-nya berapa hari yang telah batal (rosak) puasa-nya itu, sa-banyak itu-lah ia membayar dan mengqadha'-nya. Kechuali jika puasa-nya itu di-batalkan (di-rosakkan) dengan bersetuboh, maka wajib ia mengqada' puasa yang di-tinggalkan-nya dan wajib 'Kafarah'. Akan di-sebut kelak dalam sambongan renchana ini.

Orang2 yang sedang berpuasa, tiba2 terlupa yang diri-nya itu sedang berpuasa lalu makan atau minum, tidak membatalkan puasa-nya, hendak-lah ia meneruskan puasa-nya. Dalam sa-buah Hadith yang di-riwayatkan oleh Imam Bukhari dan Muslim, Nabi bersabda:

*"Barang siapa terlupa dalam masa ia berpuasa itu tiba2 ia makan atau minum, maka hendak-lah ia meneruskan puasa-nya hingga ka-petang (terbenam matahari), kerana bahawasa-nya Allah yang memberi ia makan dan minum"*

Begitu juga orang yang muntah tidak di-sengahaja, tidak membatalkan puasa-nya. Dalam sa-buah Hadith yang di-riwayatkan oleh Imam Ahmad, Abu Daud dan Al-Tirmidzi, Nabi bersabda:

## oleh: BADAN PENERANGAN UGAMA ISLAM BRUNEI

*"Barang siapa muntah dengan tidak di-sengahaja, sedang ia berpuasa, tidak wajib ia membayar atau mengqadha'-nya"*

### SUNAT BAGI ORANG YANG BERPUASA

Perkara2 yang di-sunatkan bagi orang2 yang berpuasa itu ada banyak, di-antara-nya:

1. Menyegerakan berbuka, setelah yakin terbenam-nya matahari, (masuk waktu Maghrib).
2. Melambatkan sahur (makan malam) ia-itu sa-belum waktu Imsak kira2 10 minit sa-belum terbit fajar sadek (10 minit sa-belum waktu Suboh).
3. Memulakan berbuka puasa dengan makanan2 yang manis, saperti korma dan yain2.
4. Meninggalkan perchakapan2 yang keji dan sia2.
5. Menjaga mata dan telinga daripada melihat atau mendengar perkara2 yang haram.
6. Membanyakkan amal ibadat, saperti membacha Al-Quran, beri'tikaf (duduk) di-dalam masjid, bersedekah dan lain2.

## Persidangan Majlis Mashuarat Daerah Tembrong

BANGAR. — Majlis Mashuarat Daerah Temburong telah meluluskan kedua2 usol yang telah di-kemukakan dalam persidangan-nya baru2 ini, ia-itu saperti berikut: —

Usol oleh Awang Metussin bin Aliakbar berbunyi bahawa Majlis Mashuarat itu hendak-lah menasehatkan Pegawai Daerah Temburong supaya Kerajaan dapat memberikan pertolongan kepada orang2 yang ingin akan berternak sapi, terutama sekali kepada pekebun2 kechil, dengan syarat di-bayar beransor2 kepada Kerajaan.

Satu lagi usol yang di-luluskan dalam Persidangan Majlis Mashuarat Daerah Temburong, telah di-kemukakan oleh Awang Badas bin Kamaruddin.

Usol tersebut berbunyi bahawa hendak-lah Majlis Mashuarat Daerah Temburong yang bersidang pada hari itu menasehatkan Pegawai Daerah Temburong supaya Kerajaan dapat mengadakan sa-buah motor sangkut khas untuk mengambil perempuan2 yang mengandong dan yang mempunyai anak kechil dari Kampong2 Biang, Belaban Baru, Belaban, Belingos dan Lagau yang di-kehendaki untuk di-rawat oleh Bidan yang datang dari Brunei ka-Pekan Bangar pada tiap2 hari Rabu (dua kali sa-bulan).

Pegawai Daerah Temburong, Pengiran Syed Shahminan telah memimpin Majlis Mashuarat tersebut.



**ROKAYAH IDRIS**

Biduanita Rokayah Idris, sa-orang penyanyi yang terkenal di-Daerah Tutong telah berjaya menyandang dua gelaran dalam Pertandingan Bintang Radio Daerah Tutong, Bahagian Wanita baru2 ini. Ia telah menjadi Johan Langgam dan Naib Johan Asli. Biduanita Rokayah dan 3 orang lagi penyanyi2 akan mewakili Daerah Tutong dalam Pertandingan Bintang Radio Kejohanan Negeri Brunei pada masa sambutan Hari Raya Puasa. Beritis Pertandingan Bintang Radio Daerah Tutong telah di-siarkan dalam akhbar ini, pada 15 Disember, 1965.

### LANTEKAN BARU

Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan telah dengan sukachita Baginda melantek Awang Mohd. Ali bin Salleh menjadi Timbalan Penda'awa Raya bagi Negeri Brunei mulai dari 29 Jun, 1965.

Sementara itu, menurut cherai-an (2) dari Perintah 8 dari Perintah Dzaturat, 1962, maka Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, telah dengan sukachita Baginda melantek Awang Mohd. Ali bin Salleh sebagai sa-orang Pengerusi Jawatan Kuasa Pensehat mulai dari 6 Nov. 1965 untuk menggantikan Dato Setia Awang Isa bin Dato Haji Ibrahim.

Pendaftaran B.L.T.A. Di-Luluskan  
Pendaftar Persekutuan2, Brunei telah meluluskan pendaftaran "Brunei Lawn Tennis Association" baru2 ini.

## JAWATAN KOSONG: KERANI

Permohonan2 ada-lah di-pelawa bagi memenohi jawatan2 kosong sebagai Kerani Tingkat "B" dalam Perkhidmatan Kerani Kerajaan, Brunei.

**Gaji.** — Dalam sukatan \$211-220x10 - 260 - 280 - 290/Exam Bar/310x20 - 370 - 380/Bar/400x20 - 560. Gaji permulaan bergantung pada kelayakan2 dan pengalaman.

**Kelayakan2**—Chalon2 bagi jawatan ini mesti-lah telah menchapai umur 17 tahun dan lulus

sekurang2-nya Tingkatan III Ingeris.


**Sharat2 Lantekan** — Chalon2 yang berjaya yang bukan menjadi raayat D.Y.M.M. Maulana Al-Sultan akan di-lantek sechara berkontrek atau sechara sa-bulan ka-sa-bulan.

**Baksis.** — Chalon2 yang di-lantek sechara berkontrek akan di-bayar baksis sebanyak 12½%

dari gaji mereka bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Permohonan2 yang mesti di-isi di-atas borang2 yang boleh diperolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei tidak lewat dari 31 Disember, 1965.

Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal bin Maun telah melawat ka-Kampong2 Lepong, Kenua, Bokok, Belais dan Puni di-Daerah Temburong baru2 ini untuk merasmikan pembukaan Balai2 Raya di-Kampong2 tersebut. Gambar ini diambil semasa ketibaan Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal ka-Kampong Kenua dengan helikopter. Berdiri di-belakang Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal ia-lah Pegawai Daerah Temburong, Pengiran Syed Shahminan (memakai kaca mata puteh).



## Persidangan Majlis Mashuarat Negeri Brunei

# So'al Jawab Bertulis

BANDAR BRUNEI. — Banyak So'al Jawab Bertulis telah di-bentangkan oleh Ahli2 Majlis Mashuarat Negeri Brunei dalam persidangan-nya baru2 ini.

So'alan2 dan jawapan2 itu adalah seperti berikut:

### I. PERTANIAN DAN PERUSAHAAN

Oleh Yang Berhormat  
Awang R. D. Ross.

SO'ALAN:

1. Rancangan Kemajuan Getah 5 tahun yang kedua 1963—1967. Bagaimana-kah rancangan ini sedang berjalan dan ada-kah ia-nya berfaedah?

JAWAPAN KERAJAAN:

1. Rancangan maseh lagi di-dalam pertimbangan. faedah-nya untuk mendapatkan hasil yang lebeh dan satu daripada projek untuk kemajuan negara.

SO'ALAN:

2. Rancangan Pelaksanaan Pertanian.

Apa-kah yang sedang di-lakukan oleh Kerajaan terhadap rancangan yang sedemikian itu?

JAWAPAN KERAJAAN:

2. Kerajaan sedang berikhtiar dan berusaha untuk meluaskan dan memajukan perusahaan pertanian negeri ini.

SO'ALAN:

3. Bantuan Baja. Berapa banyak-kah yang di-beri oleh Kerajaan pada tiap2 tahun? Ada-kah ia-nya di-fikirkan berfaedah?

JAWAPAN KERAJAAN:

3. Jabatan Pertanian telah pun memberi bantuan baja kepada penanam2 getah sa-banyak 100 pikul pada tiap2 tahun.

SO'ALAN:

4. Rancangan Pawah Brunei. Apa-kah yang sedang berlaku mengenai rancangan ini?

JAWAPAN KERAJAAN:

4. Rancangan ini maseh dalam Kajian.

SO'ALAN:

5. Pusat Latehar, Petani, Kilanas. Apa-kah yang telah berlaku setakat ini dan bila-kah agak-nya kita akan mendapat hasil2 yang tegas?

JAWAPAN KERAJAAN:

5. Sa-bingga kini Jabatan Pertanian telah mengadakan 11 kursus yang masing2-nya selama 2 bulan. Walau pun belum ada hasil yang konkrit yang di-dapati, tetapi nampak-nya ada mempunyai harapan. Ada-lah di-harapkan hasil yang konkrit akan di-dapati tidak berapa lama lagi.

SO'ALAN:

6. Rancangan Penanaman Kelapa Sawit.

Apa-kah kedudukan mengenai rancangan ini?

JAWAPAN KERAJAAN:

6. Sedang dalam penyiasatan dan Kajian.

SO'ALAN:

7. Kemajuan Pertanian.

Apa-kah langkah2 yang sedang di-ambil oleh Kerajaan untuk menjadikan Brunei chukop dengan makanan — atau pun mungkin dapat mengexport-nya — dalam perkara beras padi dan kenapa-kah maseh lagi perlu untuk mengimpor barang2 makanan tersebut dengan banyak-nya dari luar negeri?

JAWAPAN KERAJAAN:

7. Kerajaan telah pun membuat rancangan meluaskan penanaman padi di-negeri ini dan sa-bahagian dari rancangan ini

sedang berjalan dan diusahakan dan selain itu kerajaan sedang berusaha lagi untuk perkara ini. Jika perkara ini dapat di-laksanakan Brunei akan dapat berharap dengan hasil2 pemakanan-nya sendiri.

SO'ALAN:

8. Ayam

Apa-kah penggalakan yang sedang di-beri oleh Kerajaan kepada pemelihara2 ayam untuk memperbaiki ayam2 ternakan mereka dar. chara2 menternak? Adakah sebarang bantuan di-beri? Jika sedemikian, berapa banyak-kah, dan ada-kah ia-nya telah menchukopi?

JAWAPAN KERAJAAN:

8. Peternak2 ayam ada-lah di-ajar chara2 memelihara ternakan itu menurut peratoran. Ayam2 mereka di-beri suntikan dan ubat penchegeh penyakit dengan perchuma. Baharu2 ini Kerajaan telah mengadakan kapada peternak2 anak2 ayam tempatan atau di-bayar harga-nya.

SO'ALAN:

9. Sharikat Kerjasama.

Ada-kah Kerajaan akan membina bankan penubohan sa-buah Badan Kerjasama untuk membantu petani2 kecil menjual barang2 mereka dengan harga yang berpatutan?

JAWAPAN KERAJAAN:

9. Kerajaan boleh mempertimbangkan perkara ini, kalau ada dorongan daripada petani2 dan peternak2 binatang.

SO'ALAN:

10. Berkebun Sayor2an.

Apa-kah yang di-lakukan oleh Kerajaan tentang menggalakan penanaman sayor2an untuk menurunkan harga sayor2an yang tinggi pada masa ini (kebanyakannya datang dari luar negeri) dan untuk menggalakan adanya bekalan sayor2an yang sechukop-nya dengan tetap?

JAWAPAN KERAJAAN:

10. Kerajaan ada-lah mendorong penanaman2 sayor tempatan untuk berusaha dengan sesungguhnya di-dalam lapangan ini.

SO'ALAN:

11. Perikanan.

Apa-kah langkah2 yang sedang di-ambil untuk menggalakan Perusahaan Perikanan di-Brunei?

JAWAPAN KERAJAAN:

11. Masa ini Kerajaan belum ada mempunyai Jabatan Perikanan-nya, dari itu ada-lah di-akuhi benar yang langkah2 belum di-ambil untuk menggalakan perusahaan perikanan. Tetapi, walau bagaimanapun sa-orang Pegawai Perikanan akan di-lantik apabila sahaja sa-orang chalon boleh di-perolehi.

Oleh Yang Berhormat

Pengiran Mohd. Yusof bin

Pengiran Abu Bakar

SO'ALAN:

12. Rakyat telah ma'alum bahawa di-Bukit Pasir, Daerah Tutong, ada di-dapati pasir puteh yang boleh di-buatkan perusahaan kacha yang terbaik. Ada-kah Kerajaan berchadang hendak membuat perusahaan itu? Atau di-serahkan kepada rakyat untuk melaksanakannya, ia-itu dengan bantuan Kerajaan? Atau ada-kah Kerajaan berchadang hendak menjemput Sharikat luar negeri untuk melaksanakannya? Jika ada bila hendak di-laksanakan dan jika di-tiadakan mengapa? Di-harap mendapat penjelasan.

JAWAPAN KERAJAAN:

12. Sudah tentu, Kerajaan benar2 sedar ada-nya pasir kacha di-Bukit Pasir. Masa'alah dalam penggunaan-nya ia-lah bahawa pembuat2 kacha biasa-nya menubuhkan kilang2 sabersapa dekat yang boleh dengan pasar2 di-sebabkan oleh kesulitan2 pengangkutan untuk barang2 yang sudah siap. Sharikat2 asing telah menunjukkan kechenderongan mereka yang mengandungi menchari jalan untuk mengeksportkan pasir yang belum di-bersihkan. Kerajaan berpendapat tidak mahu membenarkan ini kerana hasil-nya sedikit sahaja akan di-perolehi dari perusahaan itu dan perusahaan tidak akan di-tubuhkan di-sini dengan menggunakan tenaga pekerja2 tempatan. Chara dan langkah2 bagi menarek hati sharikat yang sanggup menubuhkan sa-buah kilang di-sini sedang di-usahakan. Ada-lah tidak berguna atau berpatutan bagi Kerajaan menubuhkan sa-buah kilang Kerajaan: hanya pembuat kacha yang terkemuka mempunyai kemahiran2 yang perlu.

SO'ALAN:

13. (a) Berapa banyak jumlah pemborong2 yang ada di-Negeri Brunei sekarang ini?

(b) Sila nyatakan bilangan pemborong2 itu serta kelas-nya masing2 seperti berikut:

PEMBORONG ANAK TEMPATAN

- a) Kelas A
- b) Kelas X
- c) Kelas B
- d) Kelas C

PEMBORONG ORANG LUAR NEGERI

- a) Kelas A
- b) Kelas X
- c) Kelas B
- d) Kelas C

JAWAPAN KERAJAAN:

13. (a) Ada sa-banyak 365 Pemborong Pemborong Negeri

Kelas	Tempatan	Luar Negeri
A	23	78
AX	—	3
B	33	47
C	98	56

SO'ALAN:

14. (a) Apa-kah syarat dan peratoran yang telah di-kenakan oleh Kerajaan terhadap pemborong2 luar negeri?

(b) Tidak-kah ini mengganggu peluang pemborong2 anak tempatan?

(c) Benar-kah pemborong2 luar negeri senang di-terima pendaftaran-nya dalam senarai pemborong?

(d) Apa-kah kelebihan pemborong2 luar negeri itu dengan pemborong2 anak tempatan?

(e) Berapa lama-kah tempoh pemborong2 luar negeri itu di-benarkan?

JAWAPAN KERAJAAN:

14. (a) Pemborong2 dari luar negeri mesti-lah berdaftar dalam negeri2 yang lain, sa-belum ia-nya di-daftarkan di-Brunei. Sa-lain dari itu Pemborong ini sa-belum di-daftarkan ia mesti-lah di-siasat di-atas pendirian-nya berkenaan dengan kewangan dan kebolehan.

(b) Tidak.

(c) Tidak benar.

(d) Selalu-nya pemborong2 dari luar negeri yang ada, mempunyai pengalaman yang

luas di-dalam bangunan yang besar2 dan kerja istimewa.

(e) Tidak ada had berkenaan dengan masa-nya sa-lagi kerja2 di-kehendaki oleh Kerajaan.

SO'ALAN:

15. (a) Berapa orang Pemborong anak negeri (orang Melayu sahaja) yang telah berdaftar sebagai Pemborong Kelas A, X, B and C?

(b) Ada-kah mereka ini di-galakkan oleh Kerajaan dan jika tidak mengapa?

JAWAPAN KERAJAAN:

15. (a) Kelas A — 17 orang  
Kelas AX — —  
Kelas B — 29 orang  
Kelas C — 73 orang

(b) Kerajaan semata2 menggalakkan orang2 Melayu mengambil peluang untuk menjadi pemborong2 yang berkebolehan supaya dapat orang Melayu menjadi pemborong2 yang ternama, tetapi keutamaan semata2 tergantung kepada dasar Lembaga Tawaran. Berke-

utamaan dengan Kelas C untuk kerja kecil Jabatan Kerja Raya telah pun membuat peratoran memberi keutamaan kepada orang2 Melayu, tetapi untuk kerja2 lebeh dari \$3,000/- terpaksa-lah bergantung kepada dasar Lembaga Tawaran iaitu Kerajaan tidak terikat menerima sa-suatu tawaran walau pun yang rendah sekali. Dasar memberi kerja pada sa-sorang pemborong tertaaok kepada keadaannya berkenaan Lembaga. Kebolehan dan pentadbiran urusan kerja-nya.

urutan dengan Kelas C untuk kerja kecil Jabatan Kerja Raya telah pun membuat peratoran memberi keutamaan kepada orang2 Melayu, tetapi untuk kerja2 lebeh dari \$3,000/- terpaksa-lah bergantung kepada dasar Lembaga Tawaran iaitu Kerajaan tidak terikat menerima sa-suatu tawaran walau pun yang rendah sekali. Dasar memberi kerja pada sa-sorang pemborong tertaaok kepada keadaannya berkenaan Lembaga. Kebolehan dan pentadbiran urusan kerja-nya.

urutan dengan Kelas C untuk kerja kecil Jabatan Kerja Raya telah pun membuat peratoran memberi keutamaan kepada orang2 Melayu, tetapi untuk kerja2 lebeh dari \$3,000/- terpaksa-lah bergantung kepada dasar Lembaga Tawaran iaitu Kerajaan tidak terikat menerima sa-suatu tawaran walau pun yang rendah sekali. Dasar memberi kerja pada sa-sorang pemborong tertaaok kepada keadaannya berkenaan Lembaga. Kebolehan dan pentadbiran urusan kerja-nya.

urutan dengan Kelas C untuk kerja kecil Jabatan Kerja Raya telah pun membuat peratoran memberi keutamaan kepada orang2 Melayu, tetapi untuk kerja2 lebeh dari \$3,000/- terpaksa-lah bergantung kepada dasar Lembaga Tawaran iaitu Kerajaan tidak terikat menerima sa-suatu tawaran walau pun yang rendah sekali. Dasar memberi kerja pada sa-sorang pemborong tertaaok kepada keadaannya berkenaan Lembaga. Kebolehan dan pentadbiran urusan kerja-nya.

urutan dengan Kelas C untuk kerja kecil Jabatan Kerja Raya telah pun membuat peratoran memberi keutamaan kepada orang2 Melayu, tetapi untuk kerja2 lebeh dari \$3,000/- terpaksa-lah bergantung kepada dasar Lembaga Tawaran iaitu Kerajaan tidak terikat menerima sa-suatu tawaran walau pun yang rendah sekali. Dasar memberi kerja pada sa-sorang pemborong tertaaok kepada keadaannya berkenaan Lembaga. Kebolehan dan pentadbiran urusan kerja-nya.

urutan dengan Kelas C untuk kerja kecil Jabatan Kerja Raya telah pun membuat peratoran memberi keutamaan kepada orang2 Melayu, tetapi untuk kerja2 lebeh dari \$3,000/- terpaksa-lah bergantung kepada dasar Lembaga Tawaran iaitu Kerajaan tidak terikat menerima sa-suatu tawaran walau pun yang rendah sekali. Dasar memberi kerja pada sa-sorang pemborong tertaaok kepada keadaannya berkenaan Lembaga. Kebolehan dan pentadbiran urusan kerja-nya.

urutan dengan Kelas C untuk kerja kecil Jabatan Kerja Raya telah pun membuat peratoran memberi keutamaan kepada orang2 Melayu, tetapi untuk kerja2 lebeh dari \$3,000/- terpaksa-lah bergantung kepada dasar Lembaga Tawaran iaitu Kerajaan tidak terikat menerima sa-suatu tawaran walau pun yang rendah sekali. Dasar memberi kerja pada sa-sorang pemborong tertaaok kepada keadaannya berkenaan Lembaga. Kebolehan dan pentadbiran urusan kerja-nya.

urutan dengan Kelas C untuk kerja kecil Jabatan Kerja Raya telah pun membuat peratoran memberi keutamaan kepada orang2 Melayu, tetapi untuk kerja2 lebeh dari \$3,000/- terpaksa-lah bergantung kepada dasar Lembaga Tawaran iaitu Kerajaan tidak terikat menerima sa-suatu tawaran walau pun yang rendah sekali. Dasar memberi kerja pada sa-sorang pemborong tertaaok kepada keadaannya berkenaan Lembaga. Kebolehan dan pentadbiran urusan kerja-nya.

urutan dengan Kelas C untuk kerja kecil Jabatan Kerja Raya telah pun membuat peratoran memberi keutamaan kepada orang2 Melayu, tetapi untuk kerja2 lebeh dari \$3,000/- terpaksa-lah bergantung kepada dasar Lembaga Tawaran iaitu Kerajaan tidak terikat menerima sa-suatu tawaran walau pun yang rendah sekali. Dasar memberi kerja pada sa-sorang pemborong tertaaok kepada keadaannya berkenaan Lembaga. Kebolehan dan pentadbiran urusan kerja-nya.

urutan dengan Kelas C untuk kerja kecil Jabatan Kerja Raya telah pun membuat peratoran memberi keutamaan kepada orang2 Melayu, tetapi untuk kerja2 lebeh dari \$3,000/- terpaksa-lah bergantung kepada dasar Lembaga Tawaran iaitu Kerajaan tidak terikat menerima sa-suatu tawaran walau pun yang rendah sekali. Dasar memberi kerja pada sa-sorang pemborong tertaaok kepada keadaannya berkenaan Lembaga. Kebolehan dan pentadbiran urusan kerja-nya.

urutan dengan Kelas C untuk kerja kecil Jabatan Kerja Raya telah pun membuat peratoran memberi keutamaan kepada orang2 Melayu, tetapi untuk kerja2 lebeh dari \$3,000/- terpaksa-lah bergantung kepada dasar Lembaga Tawaran iaitu Kerajaan tidak terikat menerima sa-suatu tawaran walau pun yang rendah sekali. Dasar memberi kerja pada sa-sorang pemborong tertaaok kepada keadaannya berkenaan Lembaga. Kebolehan dan pentadbiran urusan kerja-nya.

urutan dengan Kelas C untuk kerja kecil Jabatan Kerja Raya telah pun membuat peratoran memberi keutamaan kepada orang2 Melayu, tetapi untuk kerja2 lebeh dari \$3,000/- terpaksa-lah bergantung kepada dasar Lembaga Tawaran iaitu Kerajaan tidak terikat menerima sa-suatu tawaran walau pun yang rendah sekali. Dasar memberi kerja pada sa-sorang pemborong tertaaok kepada keadaannya berkenaan Lembaga. Kebolehan dan pentadbiran urusan kerja-nya.

urutan dengan Kelas C untuk kerja kecil Jabatan Kerja Raya telah pun membuat peratoran memberi keutamaan kepada orang2 Melayu, tetapi untuk kerja2 lebeh dari \$3,000/- terpaksa-lah bergantung kepada dasar Lembaga Tawaran iaitu Kerajaan tidak terikat menerima sa-suatu tawaran walau pun yang rendah sekali. Dasar memberi kerja pada sa-sorang pemborong tertaaok kepada keadaannya berkenaan Lembaga. Kebolehan dan pentadbiran urusan kerja-nya.

urutan dengan Kelas C untuk kerja kecil Jabatan Kerja Raya telah pun membuat peratoran memberi keutamaan kepada orang2 Melayu, tetapi untuk kerja2 lebeh dari \$3,000/- terpaksa-lah bergantung kepada dasar Lembaga Tawaran iaitu Kerajaan tidak terikat menerima sa-suatu tawaran walau pun yang rendah sekali. Dasar memberi kerja pada sa-sorang pemborong tertaaok kepada keadaannya berkenaan Lembaga. Kebolehan dan pentadbiran urusan kerja-nya.

urutan dengan Kelas C untuk kerja kecil Jabatan Kerja Raya telah pun membuat peratoran memberi keutamaan kepada orang2 Melayu, tetapi untuk kerja2 lebeh dari \$3,000/- terpaksa-lah bergantung kepada dasar Lembaga Tawaran iaitu Kerajaan tidak terikat menerima sa-suatu tawaran walau pun yang rendah sekali. Dasar memberi kerja pada sa-sorang pemborong tertaaok kepada keadaannya berkenaan Lembaga. Kebolehan dan pentadbiran urusan kerja-nya.

urutan dengan Kelas C untuk kerja kecil Jabatan Kerja Raya telah pun membuat peratoran memberi keutamaan kepada orang2 Melayu, tetapi untuk kerja2 lebeh dari \$3,000/- terpaksa-lah bergantung kepada dasar Lembaga Tawaran iaitu Kerajaan tidak terikat menerima sa-suatu tawaran walau pun yang rendah sekali. Dasar memberi kerja pada sa-sorang pemborong tertaaok kepada keadaannya berkenaan Lembaga. Kebolehan dan pentadbiran urusan kerja-nya.

urutan dengan Kelas C untuk kerja kecil Jabatan Kerja Raya telah pun membuat peratoran memberi keutamaan kepada orang2 Melayu, tetapi untuk kerja2 lebeh dari \$3,000/- terpaksa-lah bergantung kepada dasar Lembaga Tawaran iaitu Kerajaan tidak terikat menerima sa-suatu tawaran walau pun yang rendah sekali. Dasar memberi kerja pada sa-sorang pemborong tertaaok kepada keadaannya berkenaan Lembaga. Kebolehan dan pentadbiran urusan kerja-nya.

urutan dengan Kelas C untuk kerja kecil Jabatan Kerja Raya telah pun membuat peratoran memberi keutamaan kepada orang2 Melayu, tetapi untuk kerja2 lebeh dari \$3,000/- terpaksa-lah bergantung kepada dasar Lembaga Tawaran iaitu Kerajaan tidak terikat menerima sa-suatu tawaran walau pun yang rendah sekali. Dasar memberi kerja pada sa-sorang pemborong tertaaok kepada keadaannya berkenaan Lembaga. Kebolehan dan pentadbiran urusan kerja-nya.

urutan dengan Kelas C untuk kerja kecil Jabatan Kerja Raya telah pun membuat peratoran memberi keutamaan kepada orang2 Melayu, tetapi untuk kerja2 lebeh dari \$3,000/- terpaksa-lah bergantung kepada dasar Lembaga Tawaran iaitu Kerajaan tidak terikat menerima sa-suatu tawaran walau pun yang rendah sekali. Dasar memberi kerja pada sa-sorang pemborong tertaaok kepada keadaannya berkenaan Lembaga. Kebolehan dan pentadbiran urusan kerja-nya.

urutan dengan Kelas C untuk kerja kecil Jabatan Kerja Raya telah pun membuat peratoran memberi keutamaan kepada orang2 Melayu, tetapi untuk kerja2 lebeh dari \$3,000/- terpaksa-lah bergantung kepada dasar Lembaga Tawaran iaitu Kerajaan tidak terikat menerima sa-suatu tawaran walau pun yang rendah sekali. Dasar memberi kerja pada sa-sorang pemborong tertaaok kepada keadaannya berkenaan Lembaga. Kebolehan dan pentadbiran urusan kerja-nya.

urutan dengan Kelas C untuk kerja kecil Jabatan Kerja Raya telah pun membuat peratoran memberi keutamaan kepada orang2 Melayu, tetapi untuk kerja2 lebeh dari \$3,000/- terpaksa-lah bergantung kepada dasar Lembaga Tawaran iaitu Kerajaan tidak terikat menerima sa-suatu tawaran walau pun yang rendah sekali. Dasar memberi kerja pada sa-sorang pemborong tertaaok kepada keadaannya berkenaan Lembaga. Kebolehan dan pentadbiran urusan kerja-nya.

urutan dengan Kelas C untuk kerja kecil Jabatan Kerja Raya telah pun membuat peratoran memberi keutamaan kepada orang2 Melayu, tetapi untuk kerja2 lebeh dari \$3,000/- terpaksa-lah bergantung kepada dasar Lembaga Tawaran iaitu Kerajaan tidak terikat menerima sa-suatu tawaran walau pun yang rendah sekali. Dasar memberi kerja pada sa-sorang pemborong tertaaok kepada keadaannya berkenaan Lembaga. Kebolehan dan pentadbiran urusan kerja-nya.

urutan dengan Kelas C untuk kerja kecil Jabatan Kerja Raya telah pun membuat peratoran memberi keutamaan kepada orang2 Melayu, tetapi untuk kerja2 lebeh dari \$3,000/- terpaksa-lah bergantung kepada dasar Lembaga Tawaran iaitu Kerajaan tidak terikat menerima sa-suatu tawaran walau pun yang rendah sekali. Dasar memberi kerja pada sa-sorang pemborong tertaaok kepada keadaannya berkenaan Lembaga. Kebolehan dan pentadbiran urusan kerja-nya.

urutan dengan Kelas C untuk kerja kecil Jabatan Kerja Raya telah pun membuat peratoran memberi keutamaan kepada orang2 Melayu, tetapi untuk kerja2 lebeh dari \$3,000/- terpaksa-lah bergantung kepada dasar Lembaga Tawaran iaitu Kerajaan tidak terikat menerima sa-suatu tawaran walau pun yang rendah sekali. Dasar memberi kerja pada sa-sorang pemborong tertaaok kepada keadaannya berkenaan Lembaga. Kebolehan dan pentadbiran urusan kerja-nya.

urutan dengan Kelas C untuk kerja kecil Jabatan Kerja Raya telah pun membuat peratoran memberi keutamaan kepada orang2 Melayu, tetapi untuk kerja2 lebeh dari \$3,000/- terpaksa-lah bergantung kepada dasar Lembaga Tawaran iaitu Kerajaan tidak terikat menerima sa-suatu tawaran walau pun yang rendah sekali. Dasar memberi kerja pada sa-sorang pemborong tertaaok kepada keadaannya berkenaan Lembaga. Kebolehan dan pentadbiran urusan kerja-nya.

(BERSAMBUNG)

*Dunia Hari Ini:*

# Genchatan Senjata Hari Natal Di-Vietnam

SEGALA kepercayaan dan ramalan yang di-berikan baru2 ini, bahawa genchatan senjata Christmas di-Vietnam Selatan tidak akan berkesan, jelas-lah benar sekarang, memandang kepada peristiwa berlaku-nya semula tembak menembak, yang di-ches-tuskan oleh Komunis Viet Cong.

Kepercayaan yang di-buat pada mula-nya menyebut, bahawa perjanjian berhenti tembak menembak sementara yang di-tawarkan oleh kedua2 belah pihak Amerika-Vietnam Selatan dan Komunis Viet Cong yang mesti di-hormati itu, mempunyai erti yang sedikit sekali. Ini didasarkan kepada maseh berlaku-nya terus menerus pertemporan antara pasukan kerajaan dengan Viet Cong, yang selama ini tidak mencapai satu ketetapan bertolak ansor

Dari sejak 7 Disember yang lalu, Komunis Viet Cong telah menawarkan genchatan selama 12 jam, ia-itu mulai dari tengah malam menjelang-nya hari raya Christmas hingga ka-siang hari Christmas itu.

Sementara pihak Amerika dan Vietnam Selatan, setelah sama2 mencapai persetujuan, dan sedar akan tawaran Viet Cong itu, kemudian beberapa hari sebelum menjelang-nya Christmas, telah memerintahkan pasukan masing2, supaya menghormati genchatan senjata selama 30 jam, mulai pukul 6.00 petang sebelum hari Christmas, kira2 pukul 4.00 petang waktu Borneo.

Bagaimana pun akan persetujuan itu, tidak pula di-tepati oleh Komunis Viet Cong, hingga pihak Amerika menuduh Viet Cong menchabol perjanjian genchatan senjata sementara, kerana menyambut hari raya Christmas.

## RAYUAN POPE PAUL

Sebenar-nya keputusan Amerika ingin kepada genchatan senjata itu, ada-lah berikutan satu rayuan yang di-buat oleh Padri Besar Christian Pope Paul di-Rome. Tetapi daya usaha Amerika, dengan kerjasama pihak yang berkuasa Vietnam Selatan itu, jelas tidak berhasil, apabila Komunis Viet Cong berdegil, tidak patoh kepada perjanjian itu.

Dengan tindakan Komunis Viet Cong itu, maka harapan Pope Paul, untuk menjadikan genchatan senjata sementara itu, merintis kepada satu perluchutan senjata yang agak lama, dan akhir-nya membawa Hanoi ka-meja perundingan bagi penyelesaian masalah Vietnam, terbuntu.

Sebenar-nya, menurut setengah2 kalangan, pihak Komunis Viet Cong hanya bersedia membuat usaha yang terhad, tetapi tidak berniat untuk membuat sesuatu, yang boleh mententeram-

kan perasaan Amerika atau kerajaan Saigon.

Ada-kah tawaran yang di-buat oleh Komunis Viet Cong itu, sebenarnya satu tawaran yang akan membawa kepada perdamaian, atau sekurang2-nya, menunjukkan bahawa ia-nya benar2 dapat mematuhi kepada tawaran-nya itu. Ini dapat-lah dunia menchontohi-nya atau membuat perbandingan dengan siaran2, yang di-buat oleh Komunis menerusi Radio Hanoi, dan pementaran rahsia Viet Cong yang digelar Front Pembebasan Kebangsaan, yang terus menerus menyatakan bahawa peperangan di-Vietnam hanya dapat di-hentikan, jika Amerika dan kerajaan

## Oleh HANAFI JOFFRI

Saigon, setuju dengan syarat2 pihak Komunis Vietnam Utara.

Empat syarat yang di-minta oleh kerajaan Hanoi, jika perundingan damai perlu di-adakan ia-lah bahawa Amerika mesti menarek keluar semua bala tentera-nya dan terus meninggalkan Vietnam Selatan. Sikap Kerajaan Vietnam Utara itu tetap tidak berubah. Begitu juga sebaliknya, permintaan Vietnam Utara itu, tidak dapat di-terima oleh Amerika

dan Saigon, kerana Amerika terpaksa mempertahankan Vietnam Selatan, dari di-jadikan ta'alok Komunis, yang akhir-nya boleh mengancam keamanan di-seluruh Asia Tenggara.

Tidak lama dulu Komunis Viet Cong berikrar, akan menewaskan lebeh banyak orang2 Amerika, menjelang-nya hari raya Christmas, dan menurut kalangan itu tadi, kalau-lah Viet Cong menchabol perjanjian genchatan senjata itu, memang tepat, kerana sesuai dengan ikrar-nya untuk menganggu kesenangan ketika orang2 yang berkenaan menyambut Christmas.

## VIET CONG

Sekarang ini di-Saigon sendiri, di-anggarkan seramai 2,000 orang Komunis Viet Cong sedang berkeliaran, menantikan masa untuk mengemporkan kedudukan di-bandar raya itu. Itulah sebab-nya, selalu terdapat peristiwa letupan bom dan tembak menembak di-kawasan bandar raya itu.

Tetapi Komunis Viet Cong, tidak pula berani benar, untuk melakukan pengemporan itu ketika ini, takut kalau2 pihak Amerika melakukan perbuatan yang sama ka-atas Hanoi yang sekarang ini penuh dengan penduduk2 awam.

Kerajaan Hanoi mempunyai kepercayaan, yang ia-nya dapat menghancurkan Amerika di-Vietnam, dan menchapai kemenangan yang gemilang. Tetapi menurut setengah2 pakar di-Washington, bahawa perasaan angan2 kerajaan Hanoi itu akan tetap lenyap, sebelum syarat2 bagi di-adakan perundingan damai yang sebenar itu nyata, kerana bakti-nya jelas memandang kepada keadaan tidak tegoh di-Hanoi hari ini.

Kenyataan Komunis kepada pihak Amerika tidak dapat di-terima, dan selagi kedudukannya yang membahayakan tidak di-hancurkan, keamanan payah untuk di-chapai di-Vietnam, dan pihak Amerika Vietnam Selatan berikrar akan terus mematahkan segala gerakan subversive Komunis di-Selatan.

Dalam masa hari raya Christmas, kapal2 terbang Amerika telah tidak melancarkan serangan ka-atas Vietnam Utara, tetapi serangan akan dilakukan terus sebaik2 sahaja genchatan senjata Amerika selama 30 jam itu selesai waktu-nya.

Dapatkah Amerika dan Vietnam Selatan menerima chadangan Komunis yang akan datang, untuk mengadakan rundingan atau perdamaian, jika sikap Komunis Viet Cong berjalan terus, seperti perjanjian genchatan senjata yang di-chabol-nya semasa hari raya Christmas bahru2 ini. Maka akar hal ini di-serahkanlah kepada kebijaksanaan kedua2 belah pihak, atau setidaknya di-terima buah fikiran pihak yang ketiga, kerana perdamaian di-Vietnam seluruh-nya.

## USOL MENGUCHAPKAN TERIMA KASEH KAPADA TITAH DIRAJA DI-LULUSKAN


(Dari Muka 1)

Haji Mohamed Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim, Setia Usaha Kerajaan, Majlis telah menanggohkan Bacaan Ketiga ka-Mashuarat akan datang berkenaan dengan "Undang2 (Pembayaran dan Kelembahan) Ahli2 Majlis Mashuarat Negeri dan Majlis Mashuarat Menteri2, 1965". Rang Undang2 tersebut telah di-chadangkan oleh Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamed Yusof.

Satu ketetapan telah di-luluskan pada hari tersebut. Ketetapan itu yang di-chadangkan oleh Yang Berhormat Dato Setia Awang John Lee ia-lah berbong dengan perbelanjaan untuk ranchangan2 kemajuan bagi tahun hadapan. Ketetapan itu berbunyi, "Menurut bab kecil (2) dari bab 4 dari Undang2 Wang Kemajuan, Bil. 8 tahun 1959, Majlis Mashuarat ini menentapkan supaya perbelanjaan sebanyak \$79,328,258 di-luluskan, di-utokkan dan di-keluarkan dari Wang Fund Kemajuan bagi maksud2 seperti yang tersebut di-bawah dan tetap di-nyatakan didalam Anggaran2 Perbelanjaan Kemajuan, 1966, yang di-bentangkan sebagai Kertas Bil. 2 tahun 1965."

Persidangan Majlis Mashuarat Negeri Brunei itu akan di-sambong sa-mula pada 11 Januari, 1966.

Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal bin Maun telah merasmikan pembukaan Balai Raya Kampong Kenua di-Daerah Temburong baru2 ini. Dalam gambar ini kelihatan Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal sedang memberi ucapan di-majlis tersebut.



## Jawatan Kosong

Pemohonan2 ada-lah di-jemput untuk memenohi satu jawatan kosong sebagai Penterjemah Kanan di-Pejabat Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei.

### Kelayakan2 dan Pengalaman:

(a) Pemohon2 hendak-lah orang Melayu yang mempunyai kelulusan Sijil Pelajaran Tertinggi (Higher School Certificate) dengan mendapat kepujian dalam kedua2 bahasa Melayu dan Inggeris, atau kelulusan2 yang sebanding dengan-nya; dan

(b) Mempunyai pengalaman dan kemahiran dalam selok-belok penterjemahan sekurang2-nya selama 3 tahun; atau

(c) Mempunyai kelulusan Sijil Persekolahan Seberang Laut dengan mendapat kepujian dalam kedua2 bahasa Melayu/Inggeris dan mempunyai pengalaman dalam hal ehwal penterjemahan sekurang2-nya selama lima tahun, atau kelulusan2 yang sebanding dengan-nya. Kelebaran dan pertimbangan khas akan di-beri pada mereka yang mempunyai pengalaman dari tujuh tahun ka-atas.

**Gaji:** Dalam sukatan gaji \$570x30-840. Gaji permulaan bergantung pada kelayakan2 dan pengalaman.

### Penterjemah Inggeris/Melayu Dalam Perkhidmatan Kerajaan Brunei

Pemohonan2 ada-lah di-jemput bagi beberapa jawatan kosong sebagai Penterjemah Inggeris/Melayu dalam Perkhidmatan Kerajaan Brunei. Hanya chalon2 yang mempunyai kelayakan2 sekolah yang di-kehendaki sahaja yang perlu memohon.

**Kelayakan2** — Chalon2 mesti-lah dari bangsa Melayu, telah lulus Overseas School Certificate dan lulus sekurang2-nya darjah VI Sekolah Melayu. Chalon2 hendak-lah juga dapat membaca dan menulis tulisan Jawi

**Gaji:** — Gaji bagi jawatan ini ia-lah dalam tingkatan \$350 - 370 - 380x20 - 620 sa-bulan atau dalam tingkatan \$570x30

**Sharat2 Lantekan:** Chalon yang berjaya yang bukan ra'ayat Sultan akan di-beri kontrak selama 3 tahun termasuk-lah 6 bulan masa perchubaaan. Pembaharuan kontrak ada-lah dengan persetujuan bersama.

**Baksis:** Baksis sebanyak 12½% dari gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap perkhidmatan tempatan. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 10 Januari, 1966.

Pemohonan2 ada-lah di-pelawa untuk memenohi jawatan sebagai Penolong Jurutera Ayer di-Jabatan Kerja Raya, Brunei.

### Kelayakan2 dan Pengalaman:

Mesti-lah lulus peperiksaan "Institution of Civil Engineers" Bahagian I dan II, atau mempunyai ijazah kejuruteraan atau diploma yang membebaskan dari peperiksaan yang tersebut di-atas, dari sa-buah Universiti atau maktab yang di-akui.

### Melayu Dalam Perkhidmatan Kerajaan Brunei

- 840 sa-bulan. Tingkatan gaji yang dipakai dan gaji permulaan akan bergantung di-atas kelayakan2 dan pengalaman.

**Sharat2 Perkhidmatan**—Chalon2 yang bukan ra'ayat Sultan akan di-lantek sechara berkontrek selama 3 tahun tempoh yang mana enam bulan yang pertama akan dalam perchubaaan. Kontrek boleh di-baharui sekiranya kedua2 pihak bersetuju.

**Baksis:**—Baksis sebanyak 12½% dari gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

**Tambang:** — Tambang kapal laut kelas satu atau dua ber-

## Waktu Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 29 Disember hingga kahari Juma'at 31 Disember, 1965 ada-lah seperti di-bawah ini:—

Hari	Dzohor	Asar	Maghrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
29	12-27	3-46	6-23	7-38	4-53	5-08	6-26
30	12-28	3-47	6-23	7-38	4-54	5-09	6-27
31	12-28	3-47	6-24	7-39	4-54	5-09	6-27

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

## PENOLONG JURUTERA AYER

Setelah memperolehi kelayakan yang tersebut, chalon2 mesti-lah memperolehi pengalaman selama tidak kurang dari dua tahun (tambahan kepada pengalaman professional yang lain) dalam kerja pembekalan ayer moden, sama ada dalam bidang pengelolaan dan memelihara, berkaitan dengan pembekalan ayer kepada awam.

Umor mesti-lah tidak kurang dari 26 tahun dan pengetahuan

berbahasa Melayu ada-lah satu ke-utamaan.

**Gaji:** Dalam sukatan mata wang Malaysia \$1020x40-1660 sa-bulan. Gaji permulaan bergantung kepada pengalaman.

**Tempoh Perkhidmatan:** Sechara berkontrek selama tiga tahun dan boleh di-baharui sekiranya kedua2 pihak bersetuju.

**Baksis:** Baksis sebanyak 12½% dari gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap perkhidmatan tempatan. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

**Chukai Pendapatan:** Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Butir2 lanjut mengenai chuti, tambang, dan lain2-nya boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 20 Januari, 1966.

## PENGETUA SEKOLAH UGAMA MENENGAH (ARAB)

Pemohonan2 ada-lah di-jemput daripada orang ramai untuk memenohi jawatan kosong sebagai Pengetua Sekolah Agama Menengah (Arab) Hassanah Bolkiah, di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

### Kelayakan2 dan Pengalaman:

(a) Umor di-antara 30 hingga 45 tahun;

(b) Memegang Degree B.A. (Honours) atau setaraf dengan-nya dari mana2 University Islam yang di-akui;

(c) Mempunyai pengalaman di-dalam dunia pendidikan tidak kurang dari 5 tahun;

(d) Mempunyai pengalaman di-dalam pentadbiran persekolahan.

**Gaji:**—Dalam sukatan gaji \$1020x40 - 1660 sa-bulan. Gaji permulaan bergantung pada kelayakan2 dan pengalaman.

**Sharat2 Lantekan**—Kontrek selama tiga tahun dan boleh di-baharui jika kedua2 pihak bersetuju.

**Baksis:**—Baksis sebanyak 12½% dari gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap perkhidmatan tempatan. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

**Tambang:**—Tambang kapal laut

kelas pertama akan di-adakan dari tempat lantekan ka-Brunei bagi chalon yang berjaya, isteri-nya dan hingga tiga orang anak yang berumur tidak lebih dari 18 tahun. Tambang yang serupa ka-tempat pengambilan akan di-beri sa-telah tamat kontrek yang memuaskan.

**Chuti:**—Chuti selama 4 hari sa-bulan jika di-lantek itu berumur di-bawah 40 tahun dan 5 hari sa-bulan jika yang di-lantek itu berumur lebih dari 40 tahun pada tarikh lantekan.

**Rumah:**—Rumah, kalau ada, termasuk perkakas rumah yang berat akan di-adakan dengan

di-kenakan sewa sebanyak 10% dari gaji sa-bulan dan tidak pula lebih dari \$120 sa-bulan.

**Chukai Pendapatan:**—Pada masa ini tidak ada di-kenakan chukai pendapatan di-Brunei.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada Setiausaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 15 Januari, 1966.

# JAWATAN JAWATAN KOSONG

## PEMBANTU TEKNIK KANAN

## PEON

Permohonan2 ada-lah di-jemput bagi memenohi jawatan kosong sebagai Pembantu Teknik Kanan di-Jabatan Perpindahan, Brunei.

### Kelayakan2 dan Pengalaman:

(a) Lulus Form IV Inggeris atau yang sebanding dengannya serta lulus dalam perkara2 Ilmu Hisab dan Fisik.

(b) Mempunyai kelulusan yang di-akui seperti "City and Guilds Intermediate Certificate in Civil Engineering". Kelulusan yang serupa dengan itu boleh di-pertimbangkan. Sijil yang menunjukkan bahawa calon2 telah menamatkan kursus "Civil Engineering" selama satu tahun dengan memuakan boleh di-pertimbangkan. Selain dari kelayakan teknikal, calon2 hendak-lah mempunyai sekurang2-nya enam tahun pengalaman praktikal dalam "Civil Engineering".

(c) Calon2 yang tidak mempunyai kelayakan teknikal tetapi mempunyai pengalaman yang luas dalam Pengawasan semua kerja "Civil Engineering" boleh di-pertimbangkan sebelum mendapat kelulusan yang di-perlukan.

**Gaji:** Dalam sukatan \$520-540x30-840 sa-bulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

**Sharat2 Lantekan:** Berkontrek selama tiga tahun termasuklah masa perchubaaan bagi tempoh enam bulan yang pertama. Pembaharuan kontrak ada-lah dengan persetujuan bersama. Pemohon2 yang menjadi ra'ayat atau yang berhak di-daftarkan sebagai ra'ayat D.Y.M.M. Al-Sultan, akan dilantek ka-jawatan tetap selepas

satu tempoh perchubaaan selama tiga tahun.

**Baksis:** Baksis sebanyak 12½% dari gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap perkhidmatan tempatan. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja

Butir2 lanjut mengenai chuti, tambang, rumah, dan lain2 boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha

Kerajaan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendaklah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 25 Januari, 1966.

## JURURAWAT2 PERCHUBAAN

Permohonan2 ada-lah di-pelawa untuk memenohi jawatan kosong sebagai Jururawat Perchubaaan di-Jabatan Perubatan dan Kesehatan, Brunei.

Pemohon2 mesti-lah dari ra'ayat D.Y.M.M. Al-Sultan Brunei atau mereka yang berhak di-daftarkan sedemikian.

### Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah telah meningkat umur 18 tahun. Mereka mesti-lah telah lulus sekurang2-nya Form III Inggeris, atau kelulusan yang setaraf dengannya. Pemohon2 akan dikehendaki mempunyai sijil sehat tuboh badan.

### Sukatan Gaji:

Dalam Perchubaaan E. 1-2 \$183x7-211-220x10-240. Gaji permulaan bergantung pada kelulusan persekolahan.

Jururawat Terlateh D(a) 1-3 \$350-370-380.

### Sharat2 Lantekan:

(a) Pemohon2 yang di-pilih akan menjalani lantekan bagi mendapatkan Sijil Jururawat Terlateh di-Rumah Sakit Besar, Brunei. Lazimnya lantekan ini memakan masa selama tiga tahun. Setelah memperolehi Sijil Jururawat Terlateh, pemu-

non2 ada-lah berhak di-tetapkan sebagai Jururawat Terlateh di-Jabatan Perubatan dan Kesehatan Kerajaan Brunei.

(b) Pakaian seragam ada-lah di-beri perchuma dan tempat tinggal akan di-adakan. Jururawat2 Perchubaaan akan menerima alaon Dhobi dan Alaon Makan.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan dalam borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 15 Januari, 1966.

## POSMEN DI-TEMBURONG, SERIA DAN BRUNEI

Permohonan2 ada-lah di-jemput daripada ra'ayat Sultan atau mereka yang berhak di-daftarkan sebagai ra'ayat Sultan untuk memenohi jawatan2 Posmen dalam Jabatan Perkhidmatan Pos, Temburong, Seria dan Brunei.

### Kelayakan2:

(a) Pemohon2 mesti-lah berke-lulusan Darjah VII Sekolah Melayu.

(b) Berumur di-antara 18 dan 25 tahun.

**Gaji:** Dalam sukatan gaji E.2 F 2-3-4-5-6 \$152x3-158-160-180x4-200/211-220-230-240.

Permohonan2 mesti-lah di-isi di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, dan mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 20 Januari, 1966.

Permohonan2 ada-lah di-jemput daripada ra'ayat Sultan atau mereka yang berhak di-daftarkan sebagai ra'ayat Sultan untuk memenohi jawatan Peon di-dalam Perkhidmatan Kerajaan, Brunei.

**Kelayakan:** Pemohon2 mesti-lah berkelulusan Darjah VII Sekolah Melayu.

**Gaji:** Dalam sukatan gaji F.1-2-3-4-5-6 \$143x3-158-160-180x4-200.

Permohonan2 mesti-lah di-isi di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, dan mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 30 Disember, 1965.

## GURU SEKOLAH ARAB

Permohonan2 ada-lah di-jemput daripada orang ramai untuk memenohi jawatan kosong sebagai Guru Sekolah Arab di-Jabatan Hal Ehwal Uagama, Brunei.

### Kelayakan2 dan Pengalaman:

(1) Umor di-antara 30 hingga 45 tahun;

(2) Memegang Ijazah dari mana2 University Islam yang di-akui atau pun pemegang Sijil Tertinggi Kolej Islam Malaya;

(3) Orang yang mempunyai Diploma Pendidikan ada-lah di-utamakan;

(4) Keutamaan ada-lah di-beri kepada orang2 yang ber-pengalaman dalam dunia pendidikan.

**Gaji**—Dalam sukatan gaji \$570x30-900. Gaji permulaan mengikut kelayakan dan pengalaman.

**Sharat2 Lantekan**—Kontrak selama tiga tahun dalam mana tempoh enam bulan yang pertama ada-lah dalam perchubaaan. Kontrak boleh di-baharui jika kedua2 belah pihak bersetuju.

**Baksis**—Baksis sebanyak 12½% daripada gaji di-bayar bagi tiap2 bulan genap perkhidmatan tempatan. Baksis tidak akan di-bayar jika berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 lanjut mengenai dengan tambang, rumah, chuti dan lain2-nya boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat akuan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 14 Januari, 1966.

## DI-PEJABAT UGAMA DAERAH BELAIT

Pemohon2 ada-lah di-jemput dari ra'ayat Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan atau mereka yang berhak menjadi ra'ayat Sultan yang tinggal di-Seria/Kuala Belait untuk memenohi satu Jawatan Kosong seperti di-bawah:

**Merbut:** (Satu Jawatan Kosong di-Masjid Mohamed Jamalul 'Alam, Kuala Belait.)

i. Umor di-antara 25 tahun hingga 40 tahun.

ii. Tinggal di-Seria atau Kuala Belait.

iii. Mempunyai pengalaman yang sesuai dengan Jawatan Merbut.

iv. Gaji dalam tingkatan Merbut: U-1 152x4-192x8-232.

(Gaji permulaan akan di-pertimbangkan mengikut kelayakan.)

**Peringatan:** Surat permohonan mesti-lah di-tujukan kepada Pengetua Pegawai Hal-Ehwal Uagama, Brunei melalui Kadzi

Daerah Belait.

Borang2 permohonan boleh di-dapati di-Pejabat Kadzi Daerah Belait, dan mesti-lah di-kembalikan kepada pejabat ini tidak lewat dari 31 Disember, 1965.



Ini-lah satu pemandangan sa-buah tarian yang di-persembahkan oleh murid2 perempuan Sekolah Melayu Anggerak Desa. Berakas di-temasha Malam Ria, Sambutan Akhir Persekolahan Sekolah Melayu Anggerak Desa baru2 ini.

## PERTANDINGAN BINTANG RADIO DAERAH BRUNEI DAN MUARA

BANDAR BRUNEI. — Pertandingan Bintang Radio Brunei Tahun 1966, bagi Peringkat Daerah Brunei dan Muara akan di-langsungkan di-Dewan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei pada malam 1 Januari, 1966.

Seramai 20 orang peserta2 lelaki dan 15 orang peserta2 wanita dari Daerah Brunei dan Muara, akan merebut gelaran Bintang Radio Daerah Brunei dan Muara untuk tahun 1966.

Oleh kerana memandangkan ramai-nya chalon yang telah terpilih mengambil bahagian dalam pertandingan daerah ini, maka pada malam tersebut ada-lah di-khas-kan untuk pertandingan saja.

### PESTARAMA IDILFITRI

Pada malam yang berikunya ia-itu malam 2 Januari, 1966 akan di-adakan acara menyampaikan hadiah2 kepada para peserta yang berjaya, dan seterusnya bahagian Melayu Radio Brunei, akan mengadakan ranchangan PESTARAMA IDILFITRI 1966.

Daerah Brunei/Muara akan di-wakili oleh Johan dan Naib Jo-

han Lelaki dan Wanita dalam Pertandingan Akhir sa-Negeri Brunei yang di-jangka akan di-jalankan pada masa sambutan Hari Raya Idilfitri di-Bandar Brunei.

“Oleh kerana chalon2 lelaki dan wanita, dari Daerah Brunei dan Muara lebih banyak lagi dari daerah2 yang lain, maka kami terpaksa mengambil keputusan, ia-itu mengikut bilangan peratus dari chalon2 yang telah mendaftarkan nama-nya untuk masuk bertanding, maka di-tetapkan hanya Johan dan Naib Johan sahaja yang akan mewakili daerah ini, masuk ka-Pertan-

dingan Peringkat sa-Negeri nanti.

Itu juga ada-lah berdasarkan markah2 yang di-chapai oleh para peserta pada malam pertandingan itu,” demikian menurut penerangan Pemangku Pengelola Ranchangan Melayu, Radio Brunei, Awang Abdul Wahab Mohamed.

Untuk kedua upacara ini, orang ramai ada-lah di-jemput datang menyaksikan pada kedua2 malam tersebut.

**CHATETAN:** Johan2 Bintang Radio Daerah Brunei dan Muara tahun 1965:

ASLI LFLAKI: A. T. Ahmadi (Johan); Idris Mohammad (Naib Johan).

ASLI WANITA: Habibah Ibrahim (Johan); Siti Mariam Yusoff (Naib Johan).

LANGGAM LELAKI: Idris Mohammad (Johan); M. S. Bakri (Naib Johan).

LANGGAM WANITA: Dk. Shari-fah Pg. Besar (Johan); Dk. Rohani Pg. Tajuddin (Naib Johan).

## UMAT ISLAM DI-SELUROH BRUNEI BERPUASA MULAI 24 DISEMBER

BANDAR BRUNEI. — Pegawai2 dari Jabatan Hal Ehwal Uagama Brunei dengan kerjasama Pegawai2 dari Jabatan Ukur Brunei telah melihat anak bulan Ramadhan pada petang hari Khamis 23 Disember, 1965.

Oleh yang demikian, maka Umat Islam di-seluruh Negeri Brunei telah menunaikan puasa mulai pada hari Juma'at 24 Disember, 1965.

## PEPEREKSAAN MASOK KA-M.P.M.B.

BANDAR BRUNEI. — Semua guru2 pelatih yang telah mendaftarkan nama untuk memasuki Peperiksaan masuk ka-Maktab Perguruan Melayu Brunei pada tahun 1966 telah di-terima.

Mereka hendak-lah hadir pada jam 8 pagi hari Khamis 30 Disember, 1965 di-tempat2 peperiksaan yang telah di-atorkan, kecuali mereka yang tinggal di-Daerah Temburong, hendak-lah hadir ka-Sekolah Melayu Sultan Mohamed Jemalul Alam, Bandar Brunei.

## PENGIKTIRAFAN

Kerajaan Brunei telah mengiktiraf Awang Robert W. Duemling bagi sementara waktu sebagai Konsul Amerika Sharikat di-Singapura dengan kuat kuasa-nya meliputi Negeri Brunei sambil menunggu pengeluaran Pengakuan Rasmi dari Baginda Queen.

## HARI2 KELEPASAN JABATAN2 KERAJAAN

BANDAR BRUNEI. — Hari Sabtu 1 Januari, 1966 ia-lah Hari Kelepasan Awam di-seluruh Negeri Brunei.

Jabatan2 Kerajaan di-seluruh Negeri Brunei akan tutup selama tiga hari mulai pada 31 Disember, 1965 kerana hari Juma'at 31 Disember, 1965 dan hari Ahad 2 Januari, 1966 ia-lah hari2 kelepasan biasa.



Penolong Menteri Pelajaran Brunei, Yang Berhormat Orang Kaya Pekerma Dewa Awang Lokan bin Uking telah menyampaikan Sijil2 kepada penuntut2 Kelas2 Dewasa Bandar Brunei di-Dewan Bangunan Persekutuan Guru2 Melayu Brunei pada petang 14 Disember, 1965. Dalam gambar ini kelihatan Awang Mohd. Diah bin Abu Bakar, sa-orang penuntut yang telah lulus dalam Peperiksaan Sijil Menaip Peringkat Menengah berjabat tangan dengan Yang Berhormat Orang Kaya Pekerma Dewa Awang Lokan sa-lepas menerima hadiah-nya.

## Jawatan Kosong: Ahli2 Pulis Baru

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada ra'ayat Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan atau mereka yang di-Bawah Naongan British peranakan Brunei untuk berkhidmat sebagai Pulis Baru dalam Pasokan Pulis Di-Raja Brunei dengan syarat mereka mempunyai keperluan2 berikut:

**Pelajaran** — Darjah VI Melayu atau Primary VI Inggeris.

**Umor** — Antara 18 dan 28 tahun.

**Tinggi** — Sekurang2-nya 5 kaki 2 inchi.

**Dada** — Sekurang2-nya 31 inchi bila tidak menarek napas

dan di-akui sehat oleh Pegawai Perubatan Kerajaan.

**Gaji** — \$160/- sa-bulan.

Chalon2 yang berjaya mestilah bersedia menjalani latihan di-Malaya

Borang2 permohonan boleh

di-perolehi daripada Ibu Pejabat Pulis Daerah, Brunei atau Penaga. Borang2 yang sudah dipohonkan hendak-lah di-kembalikan ka-Ibu Pejabat Pulis, Brunei, tidak lewat daripada 23 Januari, 1966.



Ahli2 Persatuan Peladang Kampong Kiudang, Tutong, bergambar ramai bersama2 dengan jemputan khas dan Pegawai2 Pertanian sa-jurus salapas Pembukaan Rasmi Mashuarat Agung Persatuan Peladang Kampong Kiudang Kali Yang ka-III pada 23 Disember, 1965.